

13/08/1997

Konsortium pulih Bosnia ditubuh

Abdul Halim Yusoff

DUA belas syarikat tempatan termasuk satu syarikat awam yang menjadi ahli Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), menubuhkan konsortium untuk terbabit secara aktif dalam aktiviti pelaburan bagi pembangunan semula Bosnia-Herzegovina.

Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Abdul Rahman Abdullah, berkata konsortium berkenaan akan membuka pejabat di Sarajevo dan menjalankan projek pembinaan di seluruh negara terbabit secara usaha sama dengan syarikat tempatan.

"Apa yang kami perlukan daripada kerajaan Bosnia adalah bantuan dan petunjuk agar kerjasama yang terbentuk antara syarikat Malaysia yang menjadi ahli CIDB dan syarikat dari Bosnia-Herzegovina membuahkan hasil memuaskan dan berkekalan yang disandarkan kepada konsep perkongsian pintar," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis makan tengah hari meraikan delegasi Bosnia-Herzegovina yang diketuai Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menterinya, Boro Bosic dan Haris Silajdzic di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, keputusan itu juga sejajar dengan jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia terus komited untuk membantu Bosnia-Herzegovina dan mahu mengadakan perkongsian tulen dengan negara Balkan itu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menyedari potensi negara berkenaan dan yakin dengan adanya komitmen sebenar ke arah keamanan di kalangan semua pihak terbabit, ekonomi Bosnia dapat dipulih dan dibangunkan, struktur politik dapat dikembalikan dan kehidupan sosial diperkukuhkan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Bumihiway (M) Sdn Bhd, Mohd Zaini Amran, yang bertindak sebagai jurucakap konsortium itu berkata, ia mungkin dinamakan MBI Venture Sdn Bhd, kini dalam proses diperbadankan.

Antara syarikat pembinaan dalam konsortium berkenaan selain Bumihiway adalah Johawaki Sdn Bhd, Syarikat KM Sdn Bhd, Rahika Construction Sdn Bhd, Ibsul Holdings Sdn Bhd, Pronas Construction Sdn Bhd, Teto Engineering and Trading Sdn Bhd, Nazrin (NBM) Sdn Bhd, Impsa (Malaysia) Sdn Bhd dan KLK Kontrak Bina Sdn Bhd.

Dua lagi syarikat termasuk satu daripadanya yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masih belum boleh mendedahkan nama kerana tertakluk kepada syarat pendedahan korporat.

Abdul Rahman berkata, dia berharap konsortium ini akan menjadi jentera kerjasama berkesan bagi mencipta jalinan dan memudah cara perhubungan antara kedua-dua pihak sekali gus membolehkan aktiviti perniagaan dijalankan dalam tempoh terdekat.

Menurutnya, selepas lawatan ke Bosnia-Herzegovina Julai lalu, pihaknya sedar wujud skop perniagaan yang amat luas untuk kontraktor dan syarikat pembinaan tempatan menyertai usaha pembinaan semula negara itu.

"Peluang itu akan dapat digarap dengan sepenuhnya asalkan syarikat tempatan melakukan pendekatan yang betul di samping mendapat bantuan sewajarnya daripada kerajaan selain mencari rakan usaha sama yang betul.

"Kami juga berharap kerajaan Bosnia-Herzegovina memberi bantuan sewajarnya bagi melicinkan proses dan prosedur bagi membolehkan kontraktor tempatan melaksanakan projek tertentu sekali gus mempercepatkan pembabitan Malaysia dalam usaha pemulihan Bosnia-Herzegovina," katanya.

Rombongan CIDB berada di Bosnia-Herzegovina daripada 1 hingga 3 Julai lalu bagi mengenal pasti peluang pembabitan syarikat pembinaan dan

kontraktor Malaysia menyertai pembangunan semula negara berkenaan.
(END)